

Usah tuduh Malaysia — PM

KUALA LUMPUR 8 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah tidak adil bagi pihak-pihak tertentu menuding jari ke arah negara-negara yang mempunyai hutan tropika seperti Malaysia sebagai punca kepada pemusnahan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, tindakan yang menyeluruh harus diambil terhadap semua jenis hutan dalam menangani isu pemusnahan alam sekitar dan bukannya memilih sesetengah negara sahaja.

"Dalam sebarang kes, Malaysia menilai hutannya lebih daripada nilai komersil semata-mata dan menyedari peranan memelihara ekologi dan alam sekitar hutannya.

"Pelbagai aspek pengurusan hutan tropika ini kurang difahami oleh para pengkritik (hutan tropika) yang mungkin tidak pernah menjejak kaki ke negara ini tetapi tidak gagal dalam mengutarakan kelemahan berhubung pemeliharaan alam sekitar," katanya.

Beliau mengulangi pendirian Malaysia berhubung isu alam sekitar itu ketika berucap merasmikan Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia 1995 (MIFP '95) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik.

Pameran itu disertai oleh kira-kira 200 syarikat yang terlibat dalam industri perabot di negara ini.

Perdana Menteri berkata, dalam isu tersebut pihak-pihak yang selalu ghairah mengkritik jarang menonjolkan fakta bahawa Malaysia diliputi kira-kira 23.6 juta hektar atau 72 peratus daripada keluasan tanahnya.

"Daripada 14 juta hektar hutan kekal, yang mana 10.67 juta hektar merupakan hutan untuk mengeluarkan hasil tetapi ia diuruskan dengan baik bagi memastikan pemuliharaan hutan sentiasa berkekalan," tambahnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia meminta negara-

negara maju hanya untuk mengekalkan 30 peratus daripada hutannya manakala ia sendiri telah berjanji untuk mengekalkan kehijauan separuh daripada tanahnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri meminta para pengusaha perabot tempatan untuk memberi penekanan kepada aspek reka cipta dan kualiti bagi memastikan ia dapat menerokai pasaran antarabangsa dan menghadapi sebarang persaingan.

"Bukan seperti menjual dalam pasaran tempatan, pasaran antarabangsa memerlukan kreativiti, reka cipta yang sesuai, kualiti yang tinggi dan barangan yang boleh bersaing," jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, industri perabot juga harus memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia dan dalam hal ini kerajaan sentiasa mengambil pelbagai usaha untuk membantu sektor tersebut.

Sehubungan itu, satu pusat kemahiran perabot akan dibuka April ini di Olak Lempit, Banting dan sebuah lagi pusat sedemikian telah beroperasi di Seberang Prai.

Perdana Menteri turut mengingatkan para pengusaha industri perabot tempatan supaya memberi penekanan kepada aspek nilai ditambah agar industri tersebut boleh memberi sumbangan yang berkesan kepada ekonomi negara.

Sementara itu, pada majlis yang sama, Dr. Mahathir menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Reka Cipta Kebangsaan 1994.

Pemenang hadiah perak kategori reka cipta berasaskan pasaran ialah Nor Azizi Ahmad manakala Saw Quee Jade memenangi kategori reka cipta konsep.

Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM4,000 dan tiket ke pameran perabot antarabangsa di Milan, Itali.